

**UNDANG-UNDANG BERKENAAN ORANG KURANG  
UPAYA: SATU ANALISIS PERKEMBANGAN  
PERUNDANGAN DI MALAYSIA**

*(Laws Concerning Disabled Persons: An Analysis of Legal  
Development in Malaysia)*

**Zulazhar Tahir<sup>1</sup>**  
(zulazhar@um.edu.my)

**Sridevi Thambapillay**  
(sridevit@um.edu.my)

**Jal Zabdi Mohd Yusoff**  
(jalzabdi@um.edu.my)

**Ahmad Saufi Abdul Rahman**  
(saufti@um.edu.my)

Fakulti Undang-Undang  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

---

***ABSTRACT***

Various initiatives have been taken by the government to improve the lives of Persons with Disabilities (PWDs) in Malaysia. This assistance commenced long before the country gained independence, with the establishment of special schools for the PWDs to help them live in harmony with other able-bodied individuals. Malaysia's commitment to helping the PWDs is seen when the government ratified the United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) on July 19, 2010 and also signed the Proclamation on the Full Participation and Equality of People with Disabilities in the Asia and Pacific Region on May 16, 1994. The support and welfare of the PWDs in Malaysia reached its climax with the enactment of the Persons with Disabilities Act 2008, which came into force on July 7, 2008. The Persons with Disabilities Act 2008, directly and indirectly, demonstrates Malaysia's commitment to helping the PWDs. Hence, this article will examine and critically

---

<sup>1</sup> Penulis Koresponden

discuss the development of legislation on the PWDs in Malaysia. This is due to the fact that the law is an important component of realizing the desire to see the PWDs be treated fairly with other able-bodied persons.

***Keywords:*** *Persons with Disabilities, welfare, legal, development, commitment.*

## **Pendahuluan**

Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (selepas ini dirujuk sebagai “Akta 2008”) pada 24 Disember 2007. Akta ini mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008. Walau bagaimanapun, kesedaran mengenai keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ini telah mula mendapat perhatian sebelum kewujudan Akta 2008 lagi. Antara perkara yang sering menjadi topik perbualan adalah wujudnya keperluan untuk mengiktiraf hak-hak OKU dan juga perlunya pelbagai usaha dilakukan bagi penambahbaikan taraf hidup OKU, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.

Orang Kurang Upaya ada didefinisikan oleh Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 sebagai "...seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat". Manakala seksyen 2 Akta 2008 pula telah mendefinisikan Orang Kurang Upaya sebagai "...termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat".

Pada tahun 1988, pihak kerajaan telah mengeluarkan suatu Pekeliling Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor awam sebanyak satu peratus (PP 10/1988). Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Badan-badan Bukan Kerajaan telah menjalankan pelbagai bentuk kerjasama dalam mengenal pasti peluang pekerjaan yang sesuai

bagi OKU. Antaranya adalah menentukan penempatan kerja yang sesuai, menyediakan nasihat pekerjaan bagi membantu OKU untuk mengenal pasti bidang kerja yang sesuai berdasarkan kekuatan yang ada pada mereka (Hazlin Falina, Safura, Nurazla & Nurzakira Afnee 2015). Lanjutan daripada dasar ini juga, suatu Jawatankuasa Pengajian Orang Cacat telah ditubuhkan dalam sektor swasta bagi tujuan yang sama iaitu untuk menyedia dan mengenalpasti peluang pekerjaan yang sesuai bagi OKU (Norhasyikin, Balqis, Zaihana, Shuhairimi & Azizan, 2016). Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia juga telah mewujudkan Kod Amalan Pengajian Orang Kurang Upaya pada tahun 1990. Namun begitu, inisiatif ini dianggap telah gagal kerana masih lagi ramai golongan OKU yang berkelayakan untuk bekerja tidak berjaya mendapat pekerjaan dan menganggur.

Sokongan berterusan daripada pihak kerajaan kepada golongan OKU mendorong Malaysia meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 19 Julai 2010, dengan reservasi ke atas Artikel 15 dan 18. Namun begitu, Malaysia masih belum lagi menandatangani Protokol Pilihan kepada Konvensyen ini (SUHAKAM, 2019). Namun, tindakan meratifikasi CRPD merupakan satu langkah yang proaktif dan positif bagi membuktikan kesediaan Malaysia untuk melaksanakan hak asasi yang terkandung dalam CRPD bagi memperkasakan golongan OKU di Malaysia.

Selain itu, Malaysia juga telah menandatangani *Proclamation on the Full Participation and Equality of People with Disabilities in the Asia and Pacific Region* pada 16 May 1994 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), 2019). Kemuncak kepada sokongan dan bantuan kebajikan kepada golongan OKU ini di Malaysia adalah penggubalan Akta 2008. Akta 2008 ini telah digubal untuk memberikan hak dan layanan yang saksama kepada golongan OKU. Konsep kesamarataan yang diterapkan di bawah Akta 2008 adalah selari dengan konsep kesamarataan yang dinyatakan di bawah Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan terutamanya dalam konteks prinsip atau perlindungan am. Artikel 8(1), yang antara lain, memperuntukkan:

*Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.*

Konsep kesamarataan ini ada disebut oleh Hakim Raja Azlan Shah dalam kes *Public Prosecutor v Tengku Mahmood Iskandar & Anor (1973, 1 LNS 124)*, semasa membincangkan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan. Yang Arif menyatakan:

*That implies that there is only one kind of law in the country to which all citizens are amenable. With us, every citizen, irrespective of his official or social status, is under the same responsibility for every act done without legal justification. This equality of all in the eyes of the law minimizes tyranny.*

Konsep kesamarataan ini juga telah dibincangkan dalam kes *Public Prosecutor v Su Liang Yu (1976, 1 LNS 113)*, yang mana Yang Arif Hakim Hashim Yeop A Sani ada menyatakan:

*Article 8(1) of the Constitution states that "All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law." We are not concerned here with the exceptions provided in the other clauses. This article embodies a concept which is familiar in democratic constitutions. It is in fact an old concept originating probably in the 40th Article of Magna Carta ("to none will we sell, to none will we deny, to none will we delay right or justice"). This concept subsequently found expression in the forerunner of democratic constitutions - the US Constitution, in the last part of the Fourteenth Amendment which states that "No State shall deny to any person within its jurisdiction the equal protection of the laws." More recent constitutions also carried this concept for example the Indian Constitution in its Article 14 and the Pakistan Constitution in its Article 4. The Fourteenth Amendment in the US Constitution is reflected in a number of articles in the Indian Constitution. Although the Fourteenth Amendment does not contain the phrase "equality before the law" as in the Indian Constitution there is in fact no significant difference as a result. As tautological as both the Indian and the Pakistan provisions our Merdeka Constitution also emerged with the provision of Article 8(1) which provision was carried in toto into the Malaysian Constitution today.*

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, semasa membentangkan Rang Undang-Undang Orang Kurang Upaya 2007 di Parlimen ada menyebut mengenai perubahan fokus dalam menangani isu berkaitan OKU

daripada berteraskan kebajikan OKU kepada hak OKU. Dalam hal ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan:

*Tuan Yang di-Pertua, semenjak dua dekad yang lepas isu-isu berkenaan golongan OKU telah mengalami anjakan paradigma daripada pendekatan kebajikan atau charity based kepada pendekatan berasaskan hak atau rights based. Sejajar dengan perkembangan ini kerajaan pada bulan November 2007 telah meluluskan dasar dan pelan tindakan OKU yang memberikan hala tuju kepada semua pihak memperdanakan OKU dalam arus pembangunan Negara (Malaysia Perbahasan Parlimen, 2007).*

Rujukan boleh dibuat kepada mukadimah Akta 2008 yang menjelaskan bahawa Akta ini diwujudkan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi OKU dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta 2008 ini juga turut mengiktiraf sumbangan sedia ada dan berpotensi yang bernilai oleh OKU kepada kesejahteraan dan kepelbagaian komuniti serta masyarakat keseluruhannya.

## **Sejarah Undang-Undang Orang Kurang Upaya di Malaysia**

Di Malaysia, perkembangan awal hak OKU banyak tertumpu pada bidang pendidikan. Perkara ini telah berlaku semenjak daripada pendudukan Inggeris di Tanah Melayu dan ianya telah berkembang selepas negara mencapai kemerdekaan. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1948, misalnya, menerusi penubuhan Sekolah Rendah Princess Elizabeth di Johor Bahru bagi kanak-kanak cacat penglihatan dan juga Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan di Pulau Pinang pada tahun 1954 (Zulazhar, Sridevi, Jal Zabdi & Siti Norsyuhada, 2015). Fokus utama penubuhan sekolah-sekolah khas ini adalah untuk memastikan agar kanak-kanak OKU mendapat pendidikan sebagaimana kanak-kanak normal.

Sejarah juga telah menunjukkan bahawa ketika zaman pemerintahan British di Tanah Melayu, mereka juga telah memberikan penekanan terhadap tanggungjawab sosial kepada penduduk pada ketika itu. Pihak British dalam hal ini

telah menubuhkan Jabatan Kebajikan Sosial Malaya pada tahun 1946. Jabatan ini kemudiannya dinamakan sebagai Jabatan Kebajikan Sosial Malaysia pada tahun 1964 (Hazreena & Naziaty, 2012). Dalam hal ini, segala jenis bantuan kepada OKU telah dibuat melalui Jabatan Kebajikan Sosial ini. Pada hari ini, Jabatan Kebajikan Sosial dikenali sebagai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan diletakkan di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Zulazhar et al., 2015).

Bagi membantu golongan OKU ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merangka satu Dasar Orang Kurang Upaya Negara pada tahun 2007. Perkara yang menjadi asas kepada dasar ini adalah pengiktirafan bahawa golongan OKU ini adalah merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai hak dan peluang yang sama rata untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan yang digunakan oleh dasar ini adalah berasaskan kepada hak dan juga perlindungan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU (JKM, 2019).

Antara strategi yang telah diterapkan di bawah dasar ini ialah advokasi, aksesibiliti, kesihatan, pemulihan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan diri dan perlindungan sosial, perkhidmatan sokongan, sosial, pembangunan sumber manusia, penglibatan masyarakat, penyelidikan dan pembangunan, perumahan, kanak-kanak OKU dan wanita OKU (Ikmal Hisham & Khairil Azmin, 2018). Objektif yang telah diterapkan di bawah dasar ini pula adalah memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat, memastikan OKU menikmati hak-hak mereka, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara, menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya dan objektif yang terakhir adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.

Kesan daripada kewujudan dan pelaksanaan Dasar Orang Kurang Upaya pada tahun 2007 inilah, maka Akta 2008 telah berjaya direalisasikan. Akta ini antara lain mengiktiraf bahawa seorang OKU berhak kepada peluang dan perlindungan,

serta bantuan sama rata dalam segala hal keadaan dan tertakluk hanya kepada apa-apa batasan, sekatan dan perlindungan hak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan (Mukadimah Akta Orang Kurang Upaya 2008). Selain itu, Dasar Orang Kurang Upaya ini juga telah membawa kepada pelbagai rancangan dan pelan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membantu OKU di negara ini. Antaranya ialah Pelan Tindakan OKU 2016 – 2022 yang telah menggariskan sepuluh teras strategik bagi membantu golongan OKU di negara ini seperti yang telah digariskan oleh Dasar Orang Kurang Upaya 2007 (JKM, 2019).

### **Kedudukan Semasa Berkenaan Undang-Undang Orang Kurang Upaya di Malaysia**

Sebelum kewujudan Akta 2008, tiada sebarang undang-undang spesifik yang membincangkan perkara seperti hak-hak dan penjagaan OKU di Malaysia. Walau bagaimanapun, wujud juga akta-akta lain tetapi bukan spesifik kepada golongan OKU seperti Akta Orang-Orang Papa 1997. Seksyen 2 Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183) telah mendefinisikan ‘orang papa’ sebagai;

- (a) seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kekusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau*
- (b) seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan;*

Akta ini, yang memfokuskan kepada golongan yang tiada tempat tinggal dan memerlukan perlindungan dan ianya termasuklah juga OKU. Di samping itu, kebajikan kanak-kanak OKU yang mencapai umur 18 tahun ke atas untuk terus ditanggung dan diberi nafkah oleh ibubapa. Mereka turut dilindungi oleh Akta-Akta seperti Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (seksyen 79 Akta 303) dan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (seksyen 95 Akta 164).

Dari segi kemudahan pula, beberapa peruntukan dapat dilihat di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya. Kawajipan ini dapat dilihat melalui undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta 133 ini iaitu di bawah seksyen 34A *Uniform Building By Laws 1984* (UBBL 1984). Melalui UBBL 1984 ini, ianya mewajibkan bagi semua bangunan awam untuk menyediakan kemudahan yang tersedia untuk OKU. Peruntukan ini mewajibkan semua bangunan awam baru mesti menyediakan akses untuk membolehkan orang kurang upaya untuk masuk, keluar dan perlu juga disediakan kemudahan untuk digunakan oleh orang kurang upaya, seperti tandas yang mesra OKU.

Akta 2008 juga ada memperuntukkan beberapa peruntukan penting kepada golongan OKU di Malaysia. Antara peruntukan penting tersebut adalah peruntukan mengenai penubuhan Majlis Kebangsaan OKU, yang antara lain berperanan untuk menyelia pelaksanaan dasar dan pelan tindakan negara berhubung dengan OKU. Perkara mengenai Majlis Kebangsaan OKU ada disebut di bawah Bahagian II Akta 2008. Selain daripada itu, kewujudan peruntukan khusus mengenai pelantikan Ketua Pendaftar dan pendaftaran bagi OKU juga memberi impak yang positif dalam proses merekodkan jumlah OKU yang ada di Malaysia. Pada masa yang sama ia juga memudahkan proses memberi bantuan (Bahagian III Akta 2008). Perkara ini dapat dilihat di dalam jadual di bawah yang menunjukkan bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2015 hingga 2017.

Jadual 1: Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU), 2015 – 2017

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan OKU yang didaftar</b>
2015	365,677
2016	409,269
2017	453,258

Sumber: Laporan Statistik 2017, Jabatan Kebajikan Malaysia

Jadual 1 di atas juga menunjukkan bahawa jumlah OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat semakin meningkat dari tahun 2015 iaitu sebanyak 365,677 orang ke 409,269 orang pada tahun 2016. Manakala bagi tahun



2017, bilangan ini telah meningkat kepada 453,258 orang. Jadual 2 di bawah pula menunjukkan jumlah OKU mengikut negeri pada tahun 2017.

Jadual 2: Pendaftaran Orang Kurang Upaya Mengikut Negeri, 2017

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan OKU yang berdaftar</b>
Johor	54,310
Kedah	40,057
Kelantan	32,403
Melaka	21,882
Negeri Sembilan	20,979
Pahang	26,823
Perak	39,415
Perlis	5,673
Pulau Pinang	27,306
Sabah	28,683
Sarawak	31,002
Selangor	71,399
Terengganu	22,633
W.P.Kuala Lumpur	29,372
W.P. Labuan	1,321
<b>Jumlah</b>	<b>453,258</b>

Sumber: Laporan Statistik 2017, Jabatan Kebajikan Malaysia

Jadual 2 di atas menunjukkan negeri yang mempunyai bilangan OKU berdaftar yang paling ramai adalah negeri Selangor (71,399 orang), diikuti oleh negeri Johor (54,310 orang) dan negeri Kedah (40,057 orang). Manakala Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai bilangan OKU berdaftar yang paling sedikit iaitu seramai 1,321 orang sahaja. Statistik tahun 2017 ini hanya merujuk kepada bilangan OKU yang telah berdaftar sahaja akan tetapi bilangan OKU yang belum mendaftar belum diambil kira.

Seterusnya, data dalam Jadual 3 menunjukkan jumlah OKU berdaftar mengikut etnik. Daripada 453,258 OKU di Malaysia, 274,764 orang adalah Melayu, Cina seramai 87,188 orang, 44,642 orang adalah India, orang Asli Semenanjung Malaysia seramai 2,948 orang, Bumiputra Sabah seramai 22,215 orang, Bumiputra Sarawak seramai 16,311 orang dan lain-lain adalah seramai 5,190 orang (JKM, 2018).

Jadual 3: Pendaftaran Orang Kurang Upaya Mengikut Etnik, 2017

<b>Kumpulan Etnik</b>	<b>Bilangan OKU yang berdaftar</b>
Melayu	274,764
Cina	87,188
India	44,642
Orang Asli Semenanjung Malaysia	2,948
Bumiputera Sabah	22,215
Bumiputera Sarawak	16,311
Lain-lain	5,190
<b>Jumlah</b>	<b>453,258</b>

Sumber: Laporan Statistik 2017, Jabatan Kebajikan Malaysia

Apabila pendaftaran telah dibuat dengan JKM, maka seseorang OKU itu akan menerima satu kad yang dipanggil sebagai Kad OKU. Dalam hal ini, terdapat enam jenis warna kad bagi membezakan enam kategori OKU, iaitu, warna biru menandakan kurang upaya penglihatan, warna ungu (pendengaran), warna hijau (fizikal), warna merah (*cerebral palsy*), warna kuning (kurang upaya pembelajaran) dan warna oren (lain-lain). Akta 2008 mempunyai peruntukan khas berkenaan pengeluaran Kad OKU yang mana Pendaftar hendaklah mengeluarkan Kad OKU kepada seseorang yang berdaftar sebagai orang kurang upaya (seksyen 25 Akta 2008). Kad OKU yang dikeluarkan di bawah seksyen 25(1) hendaklah, melainkan jika dibuktikan telah dibatalkan, menjadi keterangan muktamad bagi segala maksud bahawa orang itu telah didaftarkan dengan sewajarnya sebagai OKU di bawah Akta ini (seksyen 25 (2) Akta 2008). Kad OKU hendaklah diserahkan kepada Pendaftar apabila seseorang terhenti menjadi OKU (seksyen 25(3) Akta 2008).

Mereka yang tergolong dalam kategori OKU perlu mempunyai Kad OKU untuk mendapat manfaat serta bantuan daripada JKM serta agensi kerajaan dan swasta ("Dari normal kepada kurang upaya satu perjalanan penuh sengsara dan cabaran, 2009). Objektif utama Kad OKU ini adalah untuk membantu dan memudahkan golongan OKU apabila berurusan dengan pihak berwajib. OKU yang berdaftar dengan JKM akan layak menerima pelbagai kemudahan yang disediakan seperti pencen terbitan seumur hidup kepada anak OKU, pelan insurans hayat bagi OKU yang berumur 16 sehingga 70 tahun, produk perlindungan Takaful, khidmat nasihat dan kaunseling, kemudahan pengangkutan awam dan pendidikan (Berita

Harian, 16 Disember 2019). Dalam hal ini, ada tujuh kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran OKU iaitu Kurang Upaya Pendengaran, Kurang Upaya Penglihatan, Kurang Upaya Pertuturan, Kurang Upaya Fizikal, Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Mental dan Pelbagai (*Multiple Disabilities*).

Akta 2008 juga memperuntukan mengenai hak-hak golongan OKU (Zulazhar et al , 2015). Perkara ini dapat dilihat di bawah Bahagian IV Akta 2008. Antara perkara yang diperuntukkan kepada golongan OKU di bawah Akta 2008 ini adalah seperti hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam (seksyen 26 Akta 2008), hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam (seksyen 27 Akta 2008), akses kepada pendidikan (seksyen 28 Akta 2008), akses kepada pekerjaan (seksyen 29 Akta 2008). Pada masa yang sama, hak untuk akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi atas asas kesetaraan dengan orang upaya (seksyen 30 Akta 2008) hak untuk akses kepada kehidupan berbudaya (seksyen 31 Akta 2008) serta hak untuk menyertai aktiviti rekreasi, santai dan sukan atas asas kesetaraan dengan orang upaya juga diperuntukkan tertakluk kepada kewujudan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan OKU (seksyen 32 Akta 2008).

Selain daripada itu, OKU juga mempunyai hak kepada kesihatan atas asas kesetaraan dengan orang upaya (seksyen 35 Akta 2008). Dalam hal ini, bagi OKU yang mengalami ketidakupayaan teruk (seksyen 39 Akta 2008), Akta 2008 telah memperuntukkan bahawa Kerajaan hendaklah menyediakan perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial yang perlu termasuk memastikan bahawa mereka tidak terjejas selepas kematian ibu atau bapanya atau pemberi jagaannya bagi membolehkan mereka meneruskan kehidupan (seksyen 38 (1) Akta 2008). OKU juga diberikan hak di bawah Akta 2008 untuk mendapat bantuan atas asas kesetaraan dan pengiktirafan dengan orang upaya dalam keadaan berisiko dan kecemasan kemanusiaan, termasuk konflik bersenjata dan kejadian bencana alam (seksyen 40(1) Akta 2008).

Walaupun Akta 2008 ini memberi pelbagai akses dan hak kepada golongan OKU, perlaksanaannya masih lagi perlu dipertingkatkan. Ini kerana walaupun wujud peruntukan yang memberi hak-hak kepada golongan OKU, namun ianya bukanlah sesuatu yang mutlak. Ini kerana wujudnya satu peruntukan di bawah Akta 2008 ini yang menjadikan Akta 2008 dilihat sebagai suatu statut yang tidak ‘bertaring’ (Astro Awani, 14 Julai 2018). Perkara ini dapat dilihat di bawah seksyen 41 Akta 2008 yang antara lain menyebut;

*Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—*

*(a) Kerajaan;*

*(b) Menteri;*

*(c) Majlis;*

*(d) mana-mana anggota Majlis atau mana-mana anggota jawatankuasa; atau*

*(e) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Majlis,*

*berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.*

Seksyen ini dengan jelas memberikan perlindungan daripada sebarang bentuk tindakan mahkamah dalam kegagalan secara suci hati dalam memberikan atau menjalankan apa-apa peruntukan di bawah Akta 2008 ini. Di samping itu, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 juga adalah terpakai bagi sebarang bentuk tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding kepada pihak-pihak di bawah Akta 2008 (seksyen 42 Akta 2008). Peruntukan yang berkenaan memberikan perlindungan yang besar kepada kegagalan pihak-pihak yang disebutkan di bawah Akta 2008 dalam menyediakan apa yang perlu bagi seseorang OKU jika kegagalan itu dilakukan secara suci hati. Maksud suci hati perlu ditaksirkan oleh pihak mahkamah bergantung kepada keadaan-keadaan tertentu kerana ia adalah sesuatu yang bersifat subjektif.

## **Adakah Akta 2008 berupaya memperkasakan OKU?**

Selepas dua belas tahun Akta 2008 dikuatkuasakan, isu yang sering kali bermain di fikiran orang ramai ialah sama ada Akta 2008 ini mampu membela nasib golongan OKU tersebut atau adakah ianya hanya bersifat kosmetik semata-mata (Sinar Harian, 5 Mac 2019). Dalam hal ini, jika kita melihat kepada hak-hak yang diberikan di bawah Akta 2008, maka ia merupakan sesuatu yang positif. Sekurang-kurangnya di peringkat awal penggubalannya, pendekatan berbentuk advokasi boleh diterapkan untuk memberi maklumat dan kesedaran awal masyarakat mengenai hak-hak warga OKU ini. Justeru, kewujudan seksyen 41 Akta 2008 yang memberi perlindungan kepada pihak kerajaan dalam apa-apa tindakan mahkamah merupakan sesuatu yang boleh difahami dan diterima di peringkat awal penggubalannya. Namun begitu, setelah dua belas tahun penggubalannya, maka suatu pendekatan yang lebih progresif perlu dilakukan dan ianya tidak boleh lagi berada di takuk lama iaitu pendekatan advokasi sahaja. Justeru, persepsi Akta 2008 adalah suatu akta yang tiada taringnya perlu dikikis agar objektif penggubalannya, iaitu, untuk membantu golongan OKU ini, akan dapat dicapai.

Pemeriksaan OKU dan penguatkuasaan untuk membantu golongan ini adalah perlu dipertingkatkan di bawah Akta 2008. Dalam hal ini, Presiden Persatuan Kurang Upaya Anggota Melayu Malaysia (KUAM), Suhairi Abdullah, menyatakan bahawa akta sedia ada yang diperuntukkan untuk golongan OKU tidak pernah dikuatkuasakan dan ini sekali gus menjadikan isu-isu atau permasalahan yang dihadapi oleh golongan OKU tidak dapat diselesaikan (Sinar Harian, 5 Mac 2019). Beliau juga menegaskan bahawa akta sedia ada iaitu Akta 2008, perlu dikuatkuasakan bagi mencapai objektif akta tersebut kerana akta ini tidak boleh menjadi sekadar perhiasan semata-mata.

Sementara itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ada menyatakan hasrat untuk menyemak semula tahap pematuhan terhadap penyediaan keperluan infrastruktur bagi golongan OKU yang diwajibkan dalam pembinaan bangunan di negara ini (Berita Harian, 3 Jun 2019). Menurut menteri KPKT, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, dasar mengenai penyediaan

keperluan itu sudah ada, namun pelaksanaannya masih belum begitu meluas. Oleh yang demikian, beliau menyatakan bahawa pihaknya memerlukan masa untuk jawatankuasa yang akan ditubuhkan kelak bertindak serta memberi input kepada KPKT mengenai perkara itu. Selain itu, pihak KPKT juga akan melihat keperluan membentuk jawatankuasa yang akan dianggotai OKU pada peringkat kementerian bagi memberi nasihat dan pandangan berhubung pembinaan, pembangunan serta reka bentuk bangunan berkaitan atau mesra golongan OKU.

Badan Peguam Malaysia juga telah mengkritik Akta 2008 dan membuat syor kepada Kerajaan agar menyemak semula Akta ini (The Star, 20 September 2019). Menurut Badan Peguam Malaysia, walaupun sudah lebih daripada sepuluh tahun sejak Akta ini mula berkuat kuasa, masih terdapat beberapa ketinggalan, seperti ketiadaan peruntukan yang melarang diskriminasi terhadap OKU, ketiadaan peruntukan untuk hukuman dijatuhkan ke atas pihak yang tidak mematuhi Akta 2008 dan juga pengecualian pihak kerajaan daripada didakwa untuk apa-apa salah laku. Perkara-perkara ini harus dikaji untuk memperkukuhkan Akta 2008. Tujuan semakan semula tersebut patutlah untuk memastikan keberkesanan Akta 2008 untuk mencapai objektifnya untuk rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Kewujudan Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya (selepas ini dirujuk sebagai “Majlis”) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 3(1) Akta 2008 merupakan salah satu perkara positif setelah tergubalnya Akta 2008. Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada bulan Ogos 2008 (Bahagian II Akta 2008). Majlis ini merupakan jawatankuasa yang ditugaskan untuk membincangkan isu-isu OKU di peringkat atasan kerana Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Seksyen 9 Akta 2008 pula memperuntukkan mengenai fungsi Majlis manakala seksyen 13 pula memperuntukkan bahawa Majlis boleh mengesyorkan perubahan undang-undang kepada Kerajaan seperti berikut:

**13. Majlis hendaklah mengesyorkan perubahan pada undang-undang**

(1) Dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, adalah menjadi tanggungjawab Majlis untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan yang dikehendaki dibuat pada mana-mana undang-undang atau untuk mencadangkan pengadaaan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehaksasan atau apa-apa perkara lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Majlis.

(2) Bagi maksud membuat apa-apa syor di bawah subseksyen (1), Majlis—

(a) hendaklah berunding dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan; atau

(b) boleh berunding dengan sektor swasta atau mana-mana pertubuhan bukan kerajaan sebagaimana yang disifatkannya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian.

(3) Dalam merumuskan syor atau cadangannya di bawah subseksyen (1), Majlis hendaklah mengambil kira apa-apa dasar, maklumat dan pertimbangan lain yang diterima semasa perundingan menurut subseksyen (2) yang didapatinya berkaitan.

Seksyen-seksyen 15 dan 16 masing-masing meletakkan tugas ke atas kementerian yang berkaitan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk bekerjasama dan membantu Majlis dalam pelaksanaan fungsi Majlis di bawah Akta ini.

Penubuhan Majlis ini telah membawa kepada pembentukan enam jawatankuasa bagi membantu Majlis memainkan peranan dan fungsinya dalam membangunkan OKU. Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa oleh Majlis diperuntukkan di bawah seksyen 11(1) Akta 2008. Penubuhan Jawatankuasa ini telah dibuat pada Mesyuarat kali pertama Majlis yang telah diadakan pada 14 Ogos 2008 dan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang telah dibentuk adalah seperti Jawatankuasa Reka Bentuk Sejangat dan Alam Bina, Jawatankuasa Pengangkutan, Jawatankuasa *Quality Life Care*, Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Pekerjaan, dan Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya. Bagi memantapkan peranan yang boleh dimainkan oleh setiap jawatankuasa ini, maka setiap jawatankuasa akan dipengerusikan oleh pegawai tertinggi Kementerian, iaitu, Ketua Setiausaha Kementerian (KSU).

Antara pencapaian utama adalah apabila terhasilnya satu sistem pangkalan data yang komprehensif tentang OKU yang pertama di Malaysia iaitu Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya yang telah dilancarkan mulai 1 Ogos 2011. Sistem pengurusan pintar secara maya ini merangkumi sistem pendaftaran, pangkalan data, laporan statistik dan pemantauan berpusat untuk mengetahui bilangan, kedudukan, keadaan OKU di negara kita secara pantas. Sistem pendaftaran ini yang bermula semenjak dari 1 Ogos 2011 telah mengeluarkan Kad OKU bermutu tinggi kepada hampir 390 ribu OKU sehingga kini. Sistem maklumat setempat dan terkini akan membolehkan Jabatan Kebajikan Masyarakat memantau perkembangan OKU di negara ini dari segi kebajikan, bantuan dan juga pemerkasaan golongan ini.

## **Kesimpulan**

Sememangnya kewujudan Akta 2008 telah memberi lembaran baru kepada golongan OKU di negara ini. Secara tidak langsung Akta 2008 ini merupakan titik awal bagi meletakkan golongan OKU di tempat yang sepatutnya sejajar dengan anjakan paradigma seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa perbahasan Parlimen pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa Akta 2008 seperti ‘tidak bertaring’ kerana sungguhpun ianya memperuntukkan pelbagai hak atau akses kepada golongan OKU ini, namun, ianya lemah dari aspek penguatkuasaan (Astro Awani, 14 Julai 2018). Di samping itu, terdapat kekurangan yang ketara dalam sistem infrastruktur mesra OKU walaupun hak kepada akses ini ada dinyatakan di bawah seksyen 26 Akta 2008. Ini adalah antara faktor yang menyebabkan OKU masih tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna seperti insan normal yang lain. Hal ini ada disebut oleh Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM) pada masa itu, Dr. Al-Azmi Bakar yang mana beliau menjelaskan bahawa kekurangan akses kepada kemudahan awam sebegini seolah-olah menidakkan hak OKU untuk menikmati kemudahan yang sempurna seperti individu normal yang lain (Berita Harian, 20 Januari 2019). Malah, hak OKU untuk mendapatkan akses kepada pendidikan (seksyen 28 Akta 2008) juga boleh terjejas yang mana terdapat hasil kajian yang menunjukkan kemudahan OKU yang terdapat di setiap bangunan terutama di menara gading masih belum mencukupi (Muhamad



Nur Hafiz et al., 2017). Justeru, kemudahan tersebut perlu ditambah bagi memberi keselesaan pelajar OKU untuk mencapai cita-cita dan seterusnya mengubah taraf hidup mereka.

## Perakuan

Kajian ini adalah disokong oleh Projek *Impact-Oriented Interdisciplinary Research Grant* (IIRG) - (IIRG004C-19SAH) Universiti Malaya.

## Rujukan

Akta 685, Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Akta 183, Akta Orang-Orang Papa 1997.

Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Akta 164, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Akta 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Astro Awani (2018, 14 Julai). Akta OKU perlukan taring. Dimuat turun dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-oku-perlukan-taring-ras-adiba-180468>

Berita Harian. (2019, 3 Jun) KPKT semak bangunan patuhi infrastruktur OKU. Dimuat turun dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/571080b/kpkt-semak-bangunan-patuhi-infrastruktur-oku>.

Berita Harian. (2019, 20 Februari). Agensi swasta kurang sensitif keperluan OKU. Dimuat turun dari <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/02/532823/agensi-kerajaan-swasta-kurang-sensitif-keperluan-oku>

Berita Harian. (2019, 16 Disember). Tindakan tegas jika ibu bapa gagal daftar anak OKU. Dimuat turun dari <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/12/639211/tindakan-tegas-jika-ibu-bapa-gagal-daftar-anak-oku>

Hazlin Falina, R., Safura, A.S., Nurazla, A.W. & Nurzakira Afnee, Z. (2015). Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia: Melalui Perspektif Media. *Proceeding of the 2nd International Conference on*

*Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM)*, 16th – 17th November. Dimuat turun dari <http://www.kuis.edu.my/icommm/2nd/download/IC%20014.pdf>.

Hazreena, H. & Naziaty, M.Y. (2012). Development of Accessible Design in Malaysia. Asia Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies, 31 October – 2 November. Giza, Egypt.

Ikmal Hisham, M.T & Khairil Azmin, M. (2018). Konsep Hak Asasi Manusia bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia: Suatu Analisis *KANUN*, 1(30), 109-136.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2018). Laporan Statistik 2017. Dimuat turun dari <http://www.jkm.gov.my/>

Jabatan kebajikan Masyarakat Malaysia (2019). Dasar OKU. Dimuat turun dari <http://jkm.penang.gov.my/index.php/en/dasar1/14-dasar/22-dasar-orang-kurang-upaya>

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2019). Pelan Tindakan OKU. Dimuat turun dari [http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan\\_OKU\(EMAIL\).pdf](http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf)

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. (2019). Teks ucapan menteri. Dimuat turun dari <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan%20YB%20Menteri/Minister%20%20Speech%20Opening%20ADF.pdf>

Malaysia. (2001). Perbahasan Parlimen, Dewan Negara, Parlimen Kesebelas, Penggal Keempat, Jilid 9 Bil. 25 – 32, Disember, di muka surat 107.

Muhamad Nur Hafiz, A. et. al. (2017) *Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi Di Lembah Klang: Satu Kajian Kes*. Proceeding 2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2), 20 - 21 May. Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Malaysia.

Norhasyikin, R., Balqis, Y., Zaihana, M. Shuhairimi, A. & Azizan, B. (2016). Keusahawanan Sosial Dalam Atasi Masalah Peluang Pekerjaan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 2(4), 22–29.

Perlembagaan Persekutuan.

SUHAKAM. (2019). Pendidikan orang kurang upaya. Dimuat turun dari <http://www.suhakam.org.my/ms/areas-of-work/pendidikan/orang-kurang-upaya-oku/>

Sinar Harian. (2008, 5 Mac). Pemerkasaan Akta OKU. Dimuat turun dari <https://www.sinarharian.com.my/article/16396/KHAS/Pendapat/Pemerkasaan-Akta-OKU-2008>.

The Star. (2009, 1 Disember). Dari normal kepada kurang upaya: satu perjalanan penuh sengsara dan cabaran. Dimuat turun dari <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2009/12/01/dari-normal-kepada-kurang-upaya-satu-perjalanan-penuh-sengsara-dan-cabaran>.

The Star. (2019, 20 September). Persons with Disabilities Act needs review. Di muat turun dari <https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2019/09/20/persons-with-disabilities-act-needs-review>

Zulazhar Tahir, Sridevi Thambapillay, Jal Zabdi Mohd Yusoff & Siti Norsyuhada Roffeei (2015). Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685): Dari Konsep Kebajikan kepada Konsep Hak Asasi. *The Law Review, Sweet & Maxwell*, 603.